



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH IKLAN/JUAL /HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN
1.	<p>NO. SEBUTHARGA S0218/24</p> <p>NO. RUJUKAN F7/1/17/35/2024</p> <p>TAJUK CADANGAN MENAIK TARAF SISTEM SALIRAN DI JALAN CEMPAKA, BATU 8 TAMBUN.</p>	<p>(BUMIPUTERA)</p> <p>GRED: G3</p> <p>KATEGORI: CE</p> <p>PENGKUSUSAN: CE21</p>	<p>TARIKH IKLAN 16 DISEMBER 2024 (ISNIN)</p> <p>TARIKH JUAL 16 DISEMBER 2024 (ISNIN)</p> <p>TARIKH AKHIR PEMBELIAN 23 DISEMBER 2024 (ISNIN) JAM 10.00 PAGI</p> <p>HARGA DOKUMEN RM80.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p>LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my.</p>	<p>- TIDAK BERKAITAN-</p>	<p>TARIKH TUTUP 23 DISEMBER 2024 (ISNIN) 12:00 TENGAH HARI</p> <p>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA PETI TENDER/ SEBUT HARGA TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH</p>

JIKA TERDAPAT LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK :-

- HANYA **PENAMA DI DALAM LESEN** SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK;
- SEMUA PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBAWA **COP SYARIKAT DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA SESI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK**
- HANYA PENYEBUT HARGA YANG HADIR LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK SAHAJA BOLEH MENYERTAI DAN MEMBELI SEBUTHARGA INI.

2. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen sebutharga dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan**. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen sebut harga dan memuat turun dokumen akan ditutup pada 23 DISEMBER 2024 (ISNIN) JAM 10.00 PAGI. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**
3. Naskah Meja Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.
4. Dokumen Sebutharga hanya dijual kepada syarikat **dengan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB** serta masih sah lakunya, **60 hari** dari tarikh mula iklan.
5. Surat Kelulusan Kebenaran Khas CIDB bagi pengkhususan yang tidak didaftarkan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
6. Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (cukai taksiran / kompaun / sewaan / semak-samun / pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya Penyebut harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**
7. Semua dokumen sebutharga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor sebutharga berkenaan di penjuru kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 1, Unit Perolehan, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Ipoh**.
8. Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebutharga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebutharga/Sebut Harga setelah Peti Sebutharga/Sebut Harga dibuka.
9. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

SURIANI BINTI ISMAIL
PENGARAH UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
JURUUKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH